

Kerjasama semua agensi, penduduk penting ketika banjir

Episod hujan lebat berikutan musim Monsun Timur Laut yang melanda negara pada penghujung 2016 sehingga awal 2017 amat dirasai oleh penduduk terutama yang tinggal di kawasan bencana banjir. Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia, musim Monsun Timur Laut ini akan membawa fenomena hujan lebat berterusan yang boleh mengakibatkan banjir.

Hasil daripada amaran yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, NADMA Malaysia sudah mengatur pasukan gerak kerja bagi menghadapi situasi ini. Pegawai serta Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) telah diarah bertugas di negeri yang berisiko dilanda banjir.

Seluruh pelosok serta tempat yang dilanda banjir NADMA Malaysia dan anggota SMART bersama agensi penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Ten-

tera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) menghulur bantuan dan pertolongan membantu mangsa banjir.

Agensi ini dalam setiap masa dan keadaan sentiasa bersedia sedia baik dari segi tenaga dan peralatan. Misi mereka ialah memberi pertolongan agar penduduk terselamat daripada sebarang malapetaka.

Agensi bantuan dan pemulihan seperti Jabatan Kebajikan Malaysia telah mengenal pasti pusat pemindahan bagi memudahkan urusan menempatkan penduduk yang diarah berpindah.

Urusan menyediakan makan minum di pusat pemindahan dilakukan secara gotong-royong. Jabatan Kesihatan dengan pasukan mereka sentiasa memantau tahap kebersihan di pusat pemindahan.

Tahap kesihatan mangsa banjir juga diberi perhatian bagi mengelak mereka terkena penyakit dan mencegah penyakit daripada merebak. Seluruh agensi sama ada kerajaan mahupun swasta menunjukkan soladaritinya tinggi membantu



Mangsa banjir di pusat penempatan sementara.

mangsa banjir. Malahan pertubuhan bukan kerajaan seperti Mercy Malaysia, IM4U juga turun padang menghulur bantuan.

Berkat kerjasama agensi yang sentiasa berada di barisan hadapan mangsa musibah ini dapat dipindahkan awal untuk mengelak mereka terjejas dengan banjir. Bahkan sebelum berlakunya musibah komuniti setempat sudah diberi penerangan supaya akur apabila diarah untuk berpindah. Ironinya apabila kawasan mereka ditenggelami air, mereka tidak teragak-agak untuk berpindah ke pusat pemindahan yang sudah dikenal pasti.

Sedia perparitan sempurna

Musibah banjir akan berulang jika tiada langkah mitigasi yang berkesan dilaksanakan. Mahu tidak mahu kejadian ini harus kita terima dengan membuat beberapa persiapan sewajarnya supaya keadaan tidak menjadi teruk. Daripada analisis, punca banjir adalah disebabkan sistem perparitan dan sungai yang tidak diselenggarakan.

Keadaan sungai yang cetek ditumbuhi dengan pokok yang tidak ditebang memburukkan keadaan lagi kerana air sukar untuk keluar ke muara sungai.

Parit penuh dengan tumbuhan yang tidak dibersihkan menyebabkan aliran air lambat mengalir dan bertakung. Di sesetengah kawasan, culvert yang diguna terlalu kecil dan tidak mampu untuk menampung aliran air yang begitu banyak menyebabkan air melimpah.

Oleh yang demikian semua agensi dan komuniti perlu memainkan peranan agar dapat mengurangkan impak banjir. Kita tidak perlu tuding jari kepada pihak lain, tetapi apa yang mustahak ialah komuniti bersama agensi setempat mencari jalan untuk mengatasi setiap permasalahan berbangkit.

Sesungguhnya mengurus bencana ini adalah tanggungjawab bersama. Dalam pada itu kita berterima kasih kepada agensi penyelamat seperti APM, JBPM, PDRM, ATM, RELA kerana dalam setiap keadaan sentiasa memberi khid-

mat bakti membantu memindahkan mangsa banjir. Begitu juga Jabatan Kebajikan Malaysia yang bertungkus-lumus menyediakan pusat pemindahan bagi menempatkan serta menyediakan makan minum untuk mangsa.

Khidmat Jabatan Kesihatan Malaysia dalam memastikan tahap kesihatan mangsa di pusat pemindahan juga mustahak. Kerjasama pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah memudahkan kerja mengurus bencana berjalan dengan lancar.

Secara keseluruhannya musim Monsun Timur Laut ini telah mengakibatkan 10 negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah, Sarawak, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dilanda banjir. Sebanyak 939 pusat pemindahan telah dibuka melibatkan 31,063 keluarga terdiri daripada 108,610 mangsa.